

20/06/2002

Pusat ada kuasa halang pelaksanaan hudud, qisas

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan Pusat mempunyai kuasa untuk menghalang kerajaan Terengganu daripada melaksanakan undang-undang tidak adil dan bukan berlandaskan hukum Islam sebenar, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata, tindakan itu hanya akan diambil apabila sampai waktunya malah perundangan yang termaktub dalam al-Quran dan Hadis sebenarnya tidak perlu disusuli dengan undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kita boleh mengambil kerajaan Arab Saudi sebagai contoh yang tidak membuat undang-undang baru malah hanya menjalankan undang-undang yang dianggap praktikal dan tidak meminda sistem perundangan yang diturunkan Allah.

"Ia adalah satu perbandingan dengan negara Islam lain dan persoalannya, siapa kita yang hendak meminda hukum Allah?," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya tidak mahu membuat komen melulu ketika ini dan akan melihat sejauh mana pelaksanaan yang akan dijalankan kerajaan Terengganu itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam, yang dilaporkan berkata Kerajaan Pusat akan mengkaji kuasanya untuk menghalang kerajaan Pas Terengganu daripada melaksanakan undang-undang tidak adil dan bukan berlandaskan hukum Islam sebenar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Kerajaan Terengganu sebagai tidak Islam, berkata kerajaan akan menghalang pelaksanaannya jika ia mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji kuasa Kerajaan Pusat dalam perkara itu, dan jika mempunyai kuasa, kerajaan akan menghalang pelaksanaan atau cadangan membuat undang-undang yang tidak adil dan bertentangan dengan Islam.

Dr Mahathir berkata, undang-undang yang hendak dilaksanakan di Terengganu itu adalah undang-undang Datuk Seri Abdul Hadi Awang, undang-undang Pas dan bukannya undang-undang Islam.

Rais berkata, undang-undang kesalahan jenayah tidak boleh digubal di DUN kerana ia bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, beliau berkata, sebarang undang-undang kesalahan jenayah yang digubal kerajaan negeri termasuk hukum hudud, dianggap tidak sah dan akan terbatal dengan sendirinya.

Beliau berkata, jika kerajaan negeri hendak menggubal undang-undang jenayah, Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda, bagi membolehkan tajuk jenayah dan penjenayahan menjadi hak negeri.

"Hanya kerajaan persekutuan mempunyai kuasa mewujudkan undang-undang jenayah (hudud). Jika kerajaan Terengganu ingin melaksanakannya, mereka akan berhadapan risiko yang berat kerana ia tidak sah di sisi undang-undang," katanya.

(END)